

**TAHAP PENGETAHUAN DAN KEPENTINGAN KEPADA PENDUDUK
TERHADAP KRITERIA DAN KELAYAKAN PERMOHONAN
PROGRAM PENEMPATAN SEMULA DI KUDAT, SABAH**
*LEVEL OF KNOWLEDGE AND IMPORTANCE TO THE RESIDENTS ON
THE CRITERIA AND ELIGIBILITY OF APPLICATION FOR
RESETTLEMENT PROGRAM IN KUDAT, SABAH*

Jabil Mapjabil, Mohammad Kadir Zainal Abidin
Institut Kajian Orang Asal Borneo,
Universiti Malaysia Sabah
jabil@ums.edu.my

Mazdi Marzuki
Jabatan Geografi dan Alam Sekitar,
Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Rosmiza M. Z.
Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan,
Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Tarikh dihantar: 10 Januari 2019 / Tarikh diterima: 10 April 2020

Abstrak: Isu program penempatan semula penduduk dari kawasan setinggan ke sesebuah lokasi lain adalah antara isu sosial yang signifikan di negeri Sabah. Kurangnya kecekapan penyampaian maklumat daripada pihak berkuasa tempatan telah menimbulkan masalah kepada penduduk setempat berhubung dengan program penempatan berkenaan. Justeru, kajian ini meneliti tahap pengetahuan dan kepentingan kepada penduduk terhadap kriteria dan kelayakan permohonan program penempatan semula di Kampung Tanjung Kapor Kudat, Sabah. Untuk itu, kajian ini melibatkan kaedah kuantitatif melalui temu bual menggunakan borang soal selidik. Seramai 219 orang penduduk Kampung Tanjung Kapor terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan responden terhadap program penempatan semula ini adalah sederhana sahaja. Manakala untuk penerimaan komuniti terhadap kriteria dan kelayakan pula, terdapat tiga pernyataan yang mencatatkan peratusan ‘penting’ dan ‘sangat penting’ yang tertinggi, iaitu perlu mengambil kira aspek kewarganegaraan, pemohon yang tidak ada kediaman lain dan mereka yang berpendapatan rendah. Selain itu, terdapat dua pernyataan yang mencatatkan peratusan ‘penting’ dan ‘sangat penting’ yang tinggi, iaitu penduduk setinggan yang ditimpa musibah kebakaran dan mengikut status perkahwinan dengan keutamaan kepada mereka yang banyak menanggung beban keluarga. Namun begitu, terdapat tiga pernyataan yang mencatatkan peratusan ‘penting’ dan ‘sangat penting’ yang agak rendah, iaitu sesiapa sahaja yang menetap di kampung setinggan adalah layak, mengikut tempoh lama menetap di perkampungan setinggan dan mereka yang mendirikan rumah di atas air laut perlu diberi keutamaan berbanding mereka yang di darat. Sebagai rumusannya, tahap keberkesanan penyampaian awam terhadap pelaksanaan dasar kerajaan perlu dipertingkatkan dan diperluaskan. Ia sekali gus sebagai suatu petanda terhadap perlunya langkah penambahbaikan polisi yang berkaitan dengan isu setinggan dan program penempatan semula.

Kata kunci: Pengetahuan, Kepentingan, Kriteria, Kelayakan, Program Penempatan Semula

Abstract: The issue of the resettlement program of residents from squatter areas to other locations is one of the significant social issues in the state of Sabah. The lack of efficient

delivery of information from local authorities has caused problems to the locals in relation to the settlement program. Thus, this study examines the level of knowledge and importance to the residents on the criteria and qualifications for the resettlement program application in Kampung Tanjung Kapor Kudat, Sabah. Therefore, this study involves quantitative methods through interviews using questionnaires. A total of 219 residents of Kampung Tanjung Kapor were involved as respondents in this study. The results show that the level of respondents' knowledge of this resettlement program is only moderate. As for the community's acceptance of the criteria and qualifications, there are three statements that record the highest percentage of 'important' and 'very important', which is to take into account aspects of citizenship, applicants who do not have other homes and those with low incomes. In addition, there are two statements that record a high percentage of 'important' and 'very important', namely squatters who are affected by fire disasters and according to marital status with priority to those who bear a lot of family burden. However, there are three statements that record a relatively low percentage of 'important' and 'very important', namely that anyone living in a squatter village is eligible, according to the length of stay in the squatter village and those who built houses on the sea water should be given priority over those on land. In conclusion, the level of effectiveness of public delivery on the implementation of government policy needs to be increased and expanded. It is thus a sign of the need for policy improvement measures related to squatter issues and resettlement programs.

Keywords: *Knowledge, Importance, Criteria, Eligibility, Resettlement Program*

PENGENALAN

Proses perbandaran yang pesat di kebanyakan negara sedang membangun selepas perang dunia kedua, sering kali dikaitkan dengan ketidakseimbangan pertumbuhan penduduk dan penyediaan kemudahan termasuklah perumahan bagi golongan yang tidak berkemampuan. Harga rumah di kawasan bandar dalam pasaran bebas didapati jauh lebih tinggi berbanding dengan keupayaan pemilikan rumah oleh golongan berpendapatan rendah. Untuk sesetengah penduduk, ketidakmampuan daripada segi ekonomi dalam memenuhi keperluan asas mereka telah mendorong pembinaan rumah secara haram di tanah kerajaan dan di tanah persendirian yang kosong atau di atas tanah persendirian yang disewakan (Ubong, 2004). Menurut Nik Juliana et al. (2014), terdapat sebahagian daripada mereka bukan daripada golongan yang tidak berkemampuan tetapi sebenarnya tidak mahu terikat dengan beban hutang dengan memilih kawasan setinggan sebagai penempatan, walaupun terpaksa menghadapi pelbagai masalah sosial serta serba kekurangan daripada aspek kemudahan dan fizikal.

Inisiatif awal yang dijalankan di Malaysia untuk menangani isu petempatan haram atau setinggan bermula pada akhir tahun 1970-an. Sehubungan dengan itu, empat skim iaitu skim pertapakan dan perkhidmatan, penempatan semula ke rumah panjang, penempatan semula ke perumahan kos rendah dan pembangunan semula setinggan melalui konsep penswastan telah diperkenalkan (Zakiyah, 1998). Walaupun terdapat beberapa kelemahan, strategi ini khususnya penyediaan perumahan kos rendah atau program perumahan rakyat untuk menempatkan semula setinggan bandar masih diteruskan sehingga sekarang. Untuk mengatasi isu penempatan setinggan ini, pihak kerajaan telah melaksanakan inisiatif baharu melalui pelaksanaan dasar kerajaan dengan membina perumahan kos rendah serta strategi 'setinggan sifar' (Nik Juliana et al., 2014). Kawasan setinggan dirobuhkan dan dibina semula perumahan lain yang dikenali sebagai Program Perumahan Rakyat (PPR).

Program penempatan semula merupakan langkah dan tindakan menyediakan program rumah kos rendah, kawalan penduduk secara langsung, program penyediaan tapak rumah kediaman disertai dengan perkhidmatan yang berkaitan dan program pembangunan komuniti. Namun begitu, program penempatan setinggan ini masih berhadapan dengan beberapa

kelemahan dalam pelaksanaannya. Untuk itu, artikel ini akan meneliti tentang tahap pengetahuan dan kepentingan kepada penduduk terhadap kriteria dan kelayakan permohonan program penempatan semula di Kampung Tanjung Kapor Kudat, Sabah.

SOROTAN LITERATUR

Pada umumnya, pembangunan merujuk kepada suatu proses pelbagai dimensi, iaitu bukan sahaja melibatkan aspek demografi, elemen fizikal dan ruang, tetapi meliputi aspek sosioekonomi, budaya dan pentadbiran. Trend ini semakin berkembang seiring dengan berlakunya proses transformasi dari kawasan luar bandar menjadi sesebuah bandar khususnya selepas beberapa dekad kemerdekaan sesebuah negara (Jabil et al., 2014). Daripada aspek teori, kajian perkembangan bandar dan petempatan adalah berasaskan Teori Kutub Pertumbuhan. Menurut teori ini, pembangunan perlu dilakukan melalui pengelompokan satu-satu aktiviti ekonomi pada satu ruang yang tertentu. Pada peringkat awalnya, teori ini bertujuan untuk mengelakkan ketidakseimbangan dalam wilayah dan antara wilayah terutamanya bagi kawasan yang telah dirancang dengan pemusatan sektor ekonomi tertentu (Yazid et al., 2011). Teori ini seterusnya boleh dikaitkan dengan pembangunan pesat yang akhirnya membawa kepada isu setinggan. Hal ini mendorong pihak kerajaan untuk melaksanakan program penempatan semula sebagai suatu inisiatif menangani isu berkenaan. Sehubungan dengan itu, secara teorinya, penerimaan komuniti terhadap pelaksanaan program penempatan semula merangkumi tiga perkara penting (Mohammad Kadir, 2018), iaitu;

- a) Penerimaan berdasarkan ekonomi yang boleh dinilai berdasarkan beberapa penunjuk iaitu yang berkaitan dengan status pendapatan, keperluan dan sara hidup penduduk di kawasan kampung.
- b) Penerimaan berdasarkan faktor sosial yang diteliti berdasarkan petunjuk seperti masalah gejala sosial, sistem keselamatan, bekalan air, sumber bekalan elektrik dan pembuangan sampah.
- c) Penerimaan berdasarkan faktor alam sekitar/persekitaran yang merangkumi kebersihan, landskap, kemudahan pembuangan sampah dan lokasi penempatan.

Langkah mewujudkan perumahan alternatif dalam bentuk rumah kos rendah yang mampu dimiliki oleh penduduk berpendapatan rendah merupakan satu strategi yang popular dan berkesan untuk mengurangkan masalah setinggan bandar. Sebagai contoh di Singapura dan Hong Kong, setiap pembangunan kawasan perumahan baharu dilakukan sama ada melalui penempatan semula golongan penduduk berpendapatan rendah ataupun melalui penyediaan tapak rumah untuk penduduk membina rumah mereka dan diikuti penyediaan kemudahan perkhidmatan (Yeh & Laquian, 1979). Sehubungan dengan itu, kajian terhadap tahap kepuasan penghuni rumah awam di Singapura mendapati 36 keluarga yang dipindahkan terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi kerana membayar sewa rumah, kemudahan asas dan pengangkutan. Akibat daripada tanggungan yang dihadapi, kos perbelanjaan seperti makanan, pakaian dan persekolahan terpaksa dikurangkan (Buchanan, 1972).

Program penempatan semula adalah salah satu pendekatan alternatif yang penting terhadap penyelesaian dan pengawalan fenomena setinggan khususnya yang wujud di bandar (Wagelin, 1978; Nik Juliana et al., 2014). Menurut Nik Juliana et al. (2014), dalam kes Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), program pemindahan setinggan memberikan keutamaan dengan memindahkan setinggan 'kediaman' yang dibina di atas tanah kerajaan sahaja, manakala setinggan 'bukan kediaman' tidak diberi alternatif penempatan. Salah satu kajian tentang implikasi pemindahan penduduk setinggan ke rumah pangsa telah dilakukan oleh Nurizan (1998). Hasil kajian beliau mendapati peserta program tidak mengalami perubahan sama ada daripada segi pendapatan ataupun pekerjaan. Ini kerana mereka dipindahkan dalam

bandar yang sama. Sebaliknya, ia menyebabkan berlakunya pertambahan dalam perbelanjaan untuk bayaran sewa rumah berbanding di tempat asal mereka di kawasan setinggian dahulu yang sebahagiannya tidak perlu membayar sewa.

Seterusnya, kajian Amaluddin (2005) mendapati masalah pemindahan penduduk kampung air ke lokasi penempatan semula menjadi suatu dilema kepada pihak kerajaan khususnya dalam menentukan kawasan penempatan baharu yang sesuai. Hal ini kerana kedudukan lokasi penempatan semula adalah penting kepada penduduk perkampungan air dalam mencari pekerjaan dan mengurangkan kos harian mereka apabila tinggal di kawasan berkenaan. Menurut Mohd Razali (2005), pihak berkuasa tempatan merancang pembangunan perumahan kos rendah untuk setinggian yang terpilih, namun masalah pembinaan yang melibatkan penyertaan sesetengah kontraktor Bumiputera yang kurang mahir telah menjejaskan perancangan untuk menempatkan semula setinggian. Program yang dirancang tidak mencapai sasaran sekiranya proses pembinaan terjejas akibat ketidakcekapan kontraktor yang terlibat. Kekangan sebegini telah diambil kira dalam pelaksanaan Program Pemajuan Kawasan (PPK) oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu program membangunkan suatu petempatan baharu atau menyusun semula kampung sedia ada secara terancang di kawasan luar bandar yang dilengkapi dengan kemudahan asas dan ameniti sosial (Portal Rasmi KPLB, 2020).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneliti tahap pengetahuan dan kepentingan kepada penduduk terhadap kriteria dan kelayakan permohonan program penempatan semula di Kampung Tanjung Kapor Kudat, Sabah. Pendekatan kajian yang digunakan adalah penilaian. Untuk itu, kaedah kuantitatif digunakan dengan menemu bual penduduk menggunakan borang soal selidik. Berdasarkan sumber data dari Pejabat Daerah Kudat (2017), jumlah penduduk Kampung Tanjong Kapor adalah seramai 3,800 orang. Daripada segi penentuan saiz sampel, kajian ini menggunakan kaedah yang dikemukakan oleh Yamanae (1973). Melalui perkiraan tersebut, saiz sampel yang diperlukan ialah 97 orang. Namun, kajian ini menggunakan sampel seramai 219 orang. Penyelidikan ini menggunakan teknik pensampelan mudah. Menurut Othman (2013), teknik ini adalah berdasarkan sampel yang mudah iaitu sampel adalah tersedia, kajian yang dilakukan bersifat terbuka dan tidak memerlukan ciri sampel yang khusus. Selain itu, data sekunder digunakan daripada pelbagai sumber seperti buku, kertas kerja seminar, laman web, jurnal, risalah dan buletin. Semua data dan maklumat ini digunakan dalam memahami dan menyokong hasil kajian yang diperolehi.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Ciri Profil Demografik Responden

Terdapat tujuh ciri profil demografik responden yang diteliti iaitu jantina, umur, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, tempoh lama menetap dan jenis pemilikan rumah (Jadual 1). Daripada segi jantina, bilangan responden bagi lelaki dan perempuan agak seimbang, iaitu masing-masing sebanyak 54.3% (119 orang) dan 45.7% (100 orang). Rata-rata responden yang ditemu bual adalah dalam lingkungan umur 21 – 30 tahun sebanyak 25.1% dan 31 – 40 tahun iaitu 25.0%. Seterusnya, lebih ramai responden iaitu 59.4% yang telah berkahwin terlibat dalam kajian ini. Daripada segi latar belakang pendidikan, majoriti responden memiliki pendidikan sehingga peringkat menengah (lulusan SRP/PMR, SPM dan STPM) iaitu sebanyak 61.2%.

Daripada 219 orang responden yang ditemu bual, sebanyak 25.5% bekerja sebagai nelayan diikuti dengan bekerja sendiri (24.2%) dan suri rumah (19.2%). Kebanyakan responden telah menetap di kampung ini lebih 15 tahun, iaitu sebanyak 34.2% menetap dalam

tempoh 16 – 25 tahun dan sebanyak 28.8% menetap sekitar 26 hingga 35 tahun di Kampung Tanjung Kapor. Dari segi pemilikan rumah pula, sebanyak 59.8% adalah milik sendiri dan sebanyak 25.5% responden menumpang bersama keluarga, saudara atau orang lain.

Jadual 1 : Profil Demografik Responden

| Ciri Profil | Kriteria | Bilangan (orang) | Peratus (%) |
|------------------------------|-----------------------|------------------|-------------|
| Jantina | Lelaki | 119 | 54.3 |
| | Perempuan | 100 | 45.7 |
| Umur | 20 tahun & ke bawah | 45 | 21.0 |
| | 21 – 30 tahun | 55 | 25.1 |
| | 31 – 40 tahun | 57 | 25.0 |
| | 41 – 50 tahun | 33 | 15.1 |
| | 50 tahun ke atas | 28 | 12.8 |
| Taraf Perkahwinan | Bujang | 89 | 40.5 |
| | Berkahwin | 111 | 50.7 |
| | Duda/Janda/Balu | 19 | 8.8 |
| Pendidikan | Tidak bersekolah | 30 | 13.7 |
| | Sekolah rendah | 33 | 15.1 |
| | SRP/PMR | 41 | 18.7 |
| | SPM | 63 | 28.8 |
| | STPM | 30 | 13.7 |
| | Diploma | 15 | 6.8 |
| | Ijazah | 7 | 3.2 |
| Pekerjaan | Pekerja sektor awam | 10 | 4.5 |
| | Pekerja sektor swasta | 8 | 3.7 |
| | Bekerja sendiri | 53 | 24.2 |
| | Berniaga | 14 | 6.4 |
| | Pesara | 2 | 9.0 |
| | Pelajar | 30 | 13.7 |
| | Suri rumah | 42 | 19.2 |
| | Nelayan | 58 | 25.5 |
| | Lain-lain | 2 | 9.0 |
| Tempoh Lama Menetap | 15 tahun ke bawah | 45 | 21.0 |
| | 16 – 25 tahun | 75 | 34.2 |
| | 26 – 35 tahun | 63 | 28.8 |
| | 36 tahun ke atas | 35 | 16.0 |
| Jenis Pemilikan Rumah | Milik sendiri | 131 | 59.8 |
| | Menyewa | 19 | 8.7 |
| | Menumpang | 58 | 25.5 |
| | Bantuan kerajaan | 11 | 5.0 |

Sumber: Kajian Lapangan

Tahap Pengetahuan Responden terhadap Program Penempatan Semula

Jadual 2 menunjukkan tahap pengetahuan penduduk terhadap program penempatan semula (PPS) untuk perkampungan setinggan di Kampung Tanjung Kapor, Kudat. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 5.2.1% (114 orang) yang mengetahui tentang program penempatan semula manakala selebihnya 47.9% (105 orang) tidak tahu tentang program penempatan ini. Hal ini memberikan gambaran perlunya kaedah penyampaian yang berkesan tentang satu-satu dasar kepada penduduk terutamanya di luar bandar mahupun kawasan setinggan. Ini dapat

dikaitkan dengan hasil kajian Aliakbar dan Katiman (2009) yang merujuk terhadap program pemindahan penduduk setinggan di Kampung Teluk Likas. Peranan pengerusi jawatankuasa kampung mengambil inisiatif untuk mengadakan sesi penerangan program penempatan semula telah memberikan maklum balas yang positif dalam kalangan penduduk yang terlibat dengan program pemindahan tersebut.

Jadual 2 : Tahap Pengetahuan Responden terhadap Program Penempatan Semula untuk Perkampungan Setinggan

| Pengetahuan | Bilangan (orang) | Peratus (%) |
|---------------|------------------|--------------|
| Ya | 114 | 52.1 |
| Tidak | 105 | 47.9 |
| Jumlah | 219 | 100.0 |

Dalam program penempatan semula ini, terdapat tata cara atau prosedur yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan program berkenaan. Hasil kajian mendapati hanya sekitar 33% sahaja responden (73 orang) yang ditemu bual menggunakan borang soal selidik tahu tentang tata cara atau prosedur tersebut. Manakala sebanyak 66.7% atau seramai 146 orang tidak mengetahuinya secara jelas (Jadual 3). Responden menyatakan meskipun ada taklimat diberikan oleh ketua kampung, namun, mereka masih tidak mendapat pendedahan dan pemahaman yang baik tentang tata cara atau prosedur program penempatan semula tersebut. Hasil penyelidikan ini sejajar dengan kajian Aliakbar dan Katiman (2009) yang mendapati ketua isi rumah mempunyai masalah dalam kefahaman tentang konsep program penempatan semula yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Sehubungan dengan itu, kajian mereka mendapati tahap pengetahuan kaum lelaki dalam program penempatan semula adalah lebih tinggi namun, mereka hanya mengetahui tentang hal ini melalui ketua kampung atau ahli jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung (JKKK). Ia berbeza dengan kajian Mariney et al. (2014) terhadap penduduk setinggan di Kampung Haji Abdullah Hukum yang mendapati pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memberikan taklimat tentang proses dan prosedur penempatan setinggan ke kawasan penempatan baharu.

Jadual 3 : Tahap Pengetahuan Responden terhadap Tata Cara (Prosedur) dalam Program Penempatan Semula

| Pengetahuan | Bilangan (orang) | Peratus (%) |
|---------------|------------------|--------------|
| Ya | 73 | 33.3 |
| Tidak | 146 | 66.7 |
| Jumlah | 219 | 100.0 |

Berhubung dengan isu pembongkaran petempatan setinggan dan arahan berpindah ke kawasan lain akan melibatkan prosedur khusus dengan pemberian notis perobohan kepada penduduk terlibat oleh pihak berkuasa (Amaluddin & Mohammad Raduan, 2004). Notis tersebut menghendaki penghuni rumah merobohkan bangunan atau struktur binaan yang didirikan di kawasan yang tidak mendapat kelulusan dalam masa tujuh hari dari tarikh penerimaan notis.

Jadual 4 menunjukkan tahap pengetahuan responden dalam kalangan penduduk Kampung Tanjung Kapor terhadap aspek kriteria (syarat) dan kelayakan untuk menyertai program penempatan semula. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 35.6% (78 orang) yang tahu tentang kriteria dan kelayakan untuk menyertai program ini. Namun begitu, peratusan yang tidak mengetahui tentang aspek kriteria dan kelayakan adalah tinggi iaitu sebanyak 64.4% atau seramai 141 orang responden. Menurut temu bual tidak langsung dengan responden, pihak

pengurusan kampung hanya meminta mereka mengisi borang permohonan tanpa mereka mengetahui secara jelas tentang syarat dan kelayakan untuk menyertai program tersebut.

Jadual 4 : Tahap Pengetahuan tentang Kriteria (Syarat) dan Kelayakan untuk Menyertai Program Penempatan Semula

| Pengetahuan | Bilangan (orang) | Peratus (%) |
|---------------|------------------|--------------|
| Ya | 78 | 35.6 |
| Tidak | 141 | 64.4 |
| Jumlah | 219 | 100.0 |

Hasil kajian ini selari dengan penyelidikan yang dilakukan oleh Mohamed Ismail (2005) yang menegaskan bahawa pemakluman tentang aspek kriteria dan kelayakan perlu disampaikan secara jelas kepada penduduk agar tidak berlaku kekeliruan semasa pelaksanaan program penempatan semula. Hal ini kerana dalam proses pemindahan penduduk setinggan, ia memerlukan suatu kriteria dan kelayakan dalam meluluskan pemindahan mereka dengan mengikuti syarat yang ditetapkan tersebut. Menurut Aliakbar (2009), peranan para pegawai berkuasa tempatan terutamanya Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan JKKK amat penting dalam meningkatkan minat dan kesediaan penduduk setinggan untuk menyertai program penempatan semula.

Berhubung dengan isu kriteria dan kelayakan ini, Ubong (2004) menjelaskan perlunya pihak berwajib mendedahkan garis panduan sebagai polisi peruntukan perumahan untuk kos rendah. Hal ini dapat membantu penduduk mengetahui garis panduan tentang kelayakan pemberian perumahan penempatan semula. Menurut Dani (2008), pemberian pampasan kepada penduduk setinggan yang terlibat dengan proses program penempatan semula perlu diberikan seperti penempatan alternatif, perumahan alternatif, pampasan berbentuk wang ringgit dan lain-lain bentuk pampasan yang setaraf dengan keperluan dan kegunaan penduduk setinggan tersebut.

Tahap Kepentingan Kepada Responden terhadap Kriteria dan Kelayakan Permohonan Program Penempatan Semula

Jadual 5 menunjukkan tahap kepentingan aspek kriteria dan kelayakan permohonan program penempatan semula. Ia melibatkan lapan pernyataan, antaranya tempoh lama menetap, taraf kewarganegaraan, status perkahwinan dan tahap pendapatan. Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga pernyataan yang mencatatkan peratusan 'penting' dan 'sangat penting' yang tertinggi, iaitu masing-masing peri pentingnya kriteria dan kelayakan permohonan program penempatan semula itu mengambil kira aspek kewarganegaraan (92.2%), pemohon yang tidak ada kediaman lain (88.6%) dan mereka yang berpendapatan rendah (88.1%). Selain itu, terdapat dua pernyataan yang mencatatkan peratusan 'penting' dan 'sangat penting' sekitar 70%, iaitu penduduk setinggan yang ditimpa musibah kebakaran perlu diberi keutamaan untuk berpindah ke program penempatan semula (78.1%) dan mengikut status perkahwinan dengan keutamaan kepada mereka yang banyak menanggung beban keluarga (74.4%). Namun begitu, terdapat tiga pernyataan yang mencatatkan peratusan 'penting' dan 'sangat penting' yang agak rendah sekitar 30% hingga 45%, iaitu sesiapa sahaja yang menetap di kampung setinggan adalah layak (44.7%), mengikut tempoh lama menetap di perkampungan setinggan (32.8%) dan mereka yang mendirikan rumah di atas air laut perlu diberi keutamaan berbanding mereka yang menetap di darat (32.2%).

Jadual 5: Tahap Kepentingan terhadap Aspek Kriteria dan Kelayakan Permohonan Program Penempatan Semula

| Pernyataan | Skala | | | | | | | | | | Jumlah | |
|---|----------------------|-----|----------------|------|-----------|------|---------|------|----------------|------|--------|-----|
| | Sangat Tidak Penting | | Kurang Penting | | Sederhana | | Penting | | Sangat Penting | | | |
| | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % |
| Pemilihan peserta program penempatan semula yang layak mengikut taraf kewarganegaraan komuniti setinggan terbabit | - | - | 4 | 1.8 | 13 | 5.9 | 75 | 34.2 | 127 | 58.0 | 219 | 100 |
| Peserta program penempatan semula tidak mempunyai atau memiliki kediaman lain | 2 | 0.9 | 3 | 1.4 | 20 | 9.1 | 62 | 28.3 | 132 | 60.3 | 219 | 100 |
| Pemilihan peserta program penempatan semula yang layak adalah mengikut tahap pendapatan dengan keutamaan kepada mereka yang berpendapatan rendah | 1 | 0.5 | 7 | 3.2 | 18 | 8.2 | 95 | 43.4 | 98 | 44.7 | 219 | 100 |
| Penduduk setinggan yang ditimpa musibah kebakaran perlu diberi keutamaan untuk pindah ke program penempatan semula | 1 | 0.5 | 8 | 3.7 | 39 | 17.8 | 68 | 31.1 | 103 | 47.0 | 219 | 100 |
| Pemilihan peserta program penempatan semula yang layak mengikut status perkahwinan dengan keutamaan kepada mereka yang banyak menanggung beban keluarga | 3 | 1.4 | 15 | 6.8 | 38 | 17.4 | 87 | 39.7 | 76 | 34.7 | 219 | 100 |
| Sesiapa sahaja yang menetap di kampung setinggan layak untuk memohon penempatan semula | 13 | 5.9 | 50 | 22.8 | 58 | 26.6 | 46 | 21.0 | 52 | 23.7 | 219 | 100 |
| Pemilihan peserta program penempatan semula yang layak | 19 | 8.7 | 65 | 29.7 | 63 | 28.8 | 45 | 20.5 | 27 | 12.3 | 219 | 100 |

| | | | | | | | | | | | | |
|--|----|------|----|------|----|------|----|------|----|------|------------|------------|
| mengikuti tempoh lama menetap di perkampungan setinggian yang terbabit | | | | | | | | | | | | |
| Mereka yang mendirikan rumah di atas air laut perlu diberikan keutamaan untuk dipindahkan dahulu | 24 | 11.0 | 64 | 29.2 | 60 | 27.4 | 39 | 17.8 | 32 | 14.6 | 219 | 100 |

Sumber: Kajian Lapangan.

Hasil kajian ini menunjukkan pemilihan peserta program penempatan semula yang layak perlulah mengikut taraf kewarganegaraan komuniti setinggian terbabit. Menurut Dani (2008), kehadiran para pekerja asing penyumbang terhadap pertumbuhan penduduk setinggian yang tidak memiliki kewarganegaraan. Hal ini kerana terdapat syarikat tempatan yang menggunakan tenaga kerja pekerja asing tetapi tidak menyediakan tempat tinggal kepada mereka. Kajian ini selari dengan penyelidikan Amaluddin dan Mohammad Raduan (2004) yang mendapati penduduk setinggian yang memohon perumahan yang disediakan di kawasan penempatan semula perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Antaranya mereka mestilah warganegara Malaysia atau telah mendapat taraf penduduk tetap dan tidak mempunyai sebarang bentuk hartanah di tempat lain.

Sehubungan dengan itu, pemilihan peserta program penempatan semula ialah aspek yang penting untuk memastikan program ini benar-benar mencapai kumpulan sasaran yang dicadangkan. Pihak kerajaan perlu memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat agar dapat menikmati kemudahan perumahan sempurna terutamanya golongan bumiputera yang kurang berkemampuan (Ubong, 2004). Hasil kajian ini selari dengan penyelidikan Mohamed Ismail (2005) iaitu perpindahan penduduk setinggian mengikut syarat kelayakan dalam penempatan semula dan lebih mengutamakan penduduk yang menetap di kawasan setinggian sahaja. Menurut Nik Juliana et al. (2014), daripada segi struktur pekerjaan penduduk setinggian, mereka mempunyai pelbagai jenis pekerjaan dan bergantung kepada sektor bandar. Oleh itu, program pemindahan perlu mengambil kira faktor khususnya peluang pekerjaan supaya kesinambungan hidup penduduk dapat diteruskan. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Nurizan dan Ahmad (2001) yang mendapati pelaksanaan program penempatan semula perlu mengambil kira penambahbaikan dalam semua aspek khususnya sosioekonomi.

KESIMPULAN

Kajian tahap pengetahuan dan kepentingan kepada penduduk terhadap kriteria dan kelayakan permohonan program penempatan semula di Kudat, Sabah ini adalah penting dan signifikan dalam konteks sumber literatur, keberkesanan penyampaian awam dan penambahbaikan polisi yang berkaitan dengan isu setinggian dan program penempatan semula. Untuk satu dekad yang terakhir ini (2010 – 2020), tidak banyak kajian dilakukan tentang isu penduduk dan petempatan setinggian terutamanya yang melibatkan aspek kriteria dan kelayakan permohonan menyertai program penempatan semula. Untuk itu, hasil kajian ini menyumbang terhadap rujukan literatur kepada pengkaji pada masa hadapan. Seterusnya, hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan penduduk terhadap program penempatan semula di perkampungan setinggian, tata cara (prosedur) program serta pengetahuan terhadap kriteria dan kelayakan untuk menyertai program penempatan semula masih rendah. Ini menunjukkan bahawa tahap keberkesanan penyampaian awam terhadap pelaksanaan dasar kerajaan perlu dipertingkatkan dan diperluaskan.

Ia sekali gus sebagai suatu petanda terhadap perlunya langkah penambahbaikan polisi yang berkaitan dengan isu setingan dan program penempatan semula. Untuk itu, kecanggihan era digital dan aplikasi media sosial yang meluas dalam kalangan penduduk pada masa ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan penyampaian awam dan penambahbaikan polisi yang lebih efektif dan efisien.

RUJUKAN

- Aliakhbar Gulasan. (2009). *Penilaian Program Penempatan Semula Setingan: Kajian Kes di Kota Kinabalu, Sabah*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aliakbar Gulasan & Katiman Rostam. (2009). Persetingganan bandar dan program penempatan semula. Yahaya Ibrahim (eds). *Komuniti, Pembangunan dan Transformasi*. Hlm. 226-241. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amaluddin Bakeri. (2005). *Masalah Perpindahan Penduduk Kampung Air ke Daratan: Satu Kajian di Petempatan Kampung Air Negeri Sabah*. Institut Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Malaya.
- Amaluddin Bakeri & Mohammad Raduan Mohd Atiff. (2004). *Pembongkaran petempatan kampung air di Pulau Borneo: Kajian kes Kota Kinabalu, Sabah*. Jurnal Jati, Bil. 9.
- Buchanan, L. (1972). *Singapore in Southeast Asia: An Economic and Political Appraisal*. London: Bell.
- Dani Salleh. (2008). *Urbanisasi Perancangan dan Kawalan*. (Edisi 2). Sintok. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Jabil Mapjabil, Mazdi Marzuki & Zikri Muhammad (Eds). (2014). *Isu-isu Petempatan di Malaysia*. Batu Pahat : Penerbit UTHM.
- Mariney, M. Y., Tengku Adeline Adura, T. H. & Nik Juliana, A. (2014). Dari kampung ke apartment: Budaya masyarakat dan kesepakatan penduduk Kampung Haji Abdullah Hukum, Lembah Pantai, Kuala Lumpur. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Kecemerlangan Melayu 1: Jati Diri Melayu Dalam Era Transformasi*. 2-3 Disember 2014. Hotel Armada, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
- Mohamed Ismail. (2005). *Setingan dan Permasalahannya Serta Penyelesaian ke Arah Setingan Sifar*. Tesis Sarjana (Tidak diterbitkan). Fakulti Kejuruteraan & Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammad Kadir Zainal Abidin. (2018). *Penerimaan Komuniti terhadap Program Penempatan Semula: Kajian Kes di Kampung Tanjung Kapor, Kudat*. Tesis Sarjana (Tidak diterbitkan). Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Razali Agus. (2005). *Persetingganan di Malaysia: Penduduk dan Penempatan Semula*. Penerbit: Universiti Malaya.
- Nik Juliana, A., Mariney, M. Y. & Fauza, A. G. (2014). Penempatan semula setingan di bandar dan implikasinya terhadap komuniti. Dlm. Jabil Mapjabil, Mazdi Marzuki & Zikri Muhammad (Eds). *Isu-Isu Petempatan Bandar di Malaysia*. Hlm 55-71. Penerbit UTHM.
- Nurizan Yahya. (1998). *Kemiskinan dan Perumahan di Bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurizan Yahya & Ahmad Hariza Hashim. (2001). *Perumahan dan Kediaman, Serdang*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Pejabat Daerah Kudat. (2017). *Statistik Jumlah Penduduk Kampung Tanjung Kapor, Kudat, Data Sekunder - Temu bual dan Rujukan Pegawai*.
- Portal Rasmi Kementerian Pembangunan Luar Bandar. (2020). *Program Pemajuan Kawasan (PPK) (Dari RMKe-9 - RMke-11)*. <http://ruralloink.gov.my/program-pemajuan-kawasan-ppk-tw/> Diakses pada 30 Jun 2020.
- Ubong Imang. (2004). *Pembangunan Perumahan Kos Rendah di Sabah: Satu Penilaian Awal*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Wagelin, E. A. (1978). *Urban Low Income Housing and Development: A Case Study in Peninsular Malaysia*. Leiden: Nijhoff Social Sciences Division.
- Yazid Saleh, Katiman Rostam & Mohd Yusof Hussain. (2011). Model hierarki kefungsiian dan pusat pertumbuhan sebagai asas bagi merancang kawasan luar bandar di Malaysia: Bukti dari Daerah Batang Padang. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 7 (Special issue), 66-79.
- Yamanae, T. (1973). *Statistics: An Introductory Analysis*. Harper & Row, New York.
- Yeh, S. H. K. & Laquian, A. A. (1979). *Housing Asia's Millions: Problem, Policies and Prospects for Low-Cost Housing in Southeast Asia*. Ottawa: International Development Research Centre.
- Zakiah Jamaluddin. (1998). *Penempatan Semula Setinggalan Melalui Projek Penswastaaan. Kajian Kes di Desa Pandan Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.